



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

GABUNGAN USAHA MEMARTABATKAN WANITA

LABUAN, 18 Januari – Usaha memartabatkan wanita yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) perlu mendapat sokongan dan kerjasama dari wanita setempat serta Badan Bukan Kerajaan (NGO). Dalam usaha ini, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) pada tahun 2021 telah melaksanakan **1,906 program yang melibatkan seramai 856,323 peserta**. Program pemerksaan wanita berteraskan 4K iaitu Kewangan, Kemahiran, Kepimpinan dan Keseimbangan bertujuan memperkasakan dan memartabatkan wanita untuk mencapai kesejahteraan wanita dan kesaksamaan gender melalui program pembangunan kapasiti, khidmat kaunseling dan nasihat sokongan.

“Ini merupakan usaha berterusan Kerajaan untuk memperkasakan golongan wanita dalam aspek sosio-ekonomi dan **Pusat Aktiviti Wanita ini bukan sahaja digunakan oleh JPW malah pihak NGO bagi merancang dan melaksanakan program, tetapi ia juga turut digunakan sebagai tempat untuk agihan bakul makanan serta program kaunseling kelompok (pihak LPPKN)**. Pihak NGO adalah amat dialu-alukan untuk melaksanakan program-program bersesuaian untuk manfaat kumpulan sasaran khususnya wanita seperti **Sambutan Hari Wanita pada 8 Mac 2022** nanti. Diharapkan dengan adanya kerjasama ini, golongan yang terjejas akibat pandemik Covid-19 khususnya wanita dapat dibantu dan secara tidak langsung dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi Negara,” ujar YB Dato’ Hajah

Siti Zailah Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ketika hadir di Pusat Aktiviti Wanita Labuan sempena Program Turun Padang ke Sabah dan Labuan.

YB Dato' Hajah Siti Zailah juga turut menyarankan wanita khususnya dan golongan lelaki menyertai Skwad Wanita Anti Jenayah (WAJA) sebagai langkah mengurangkan pelbagai isu membelenggu wanita seperti keganasan rumahtangga, gangguan seksual, diskriminasi gender dan sebagainya. Skwad WAJA merupakan inisiatif KPWKM untuk melindungi golongan yang sering menjadi mangsa keganasan terutama wanita. Inisiatif tersebut berperanan sebagai rujukan terdekat dalam masyarakat khasnya individu yang ingin mendapatkan maklumat mengenai isu-isu berkaitan keganasan atau yang memerlukan bantuan dari segi khidmat nasihat dan perlindungan. Inisiatif ini sekaligus dapat mewujudkan komuniti yang bermaklumat, prihatin dan peka terhadap persekitaran. Semua ahli akan dibimbing melalui Modul Skwad WAJA yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita dengan kerjasama Institusi Sosial Malaysia (ISM). **Sehingga 13 Januari 2022, seramai 122,287 orang telah mendaftar sebagai ahli Skwad WAJA terdiri 11,627 orang lelaki manakala 110,660 orang wanita.**

Turut hadir bersama dalam program berkenaan adalah Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, YB Datuk Senator Hj. Bashir Bin Hj. Alias.

###

Disediakan oleh	:	Unit Komunikasi Korporat Jabatan Pembangunan Wanita No. 55, Persiaran Perdana Presint 4, PUTRAJAYA
No.Telefon	:	03-8323 1884
Tarikh dikeluarkan	:	18 Januari 2022